MINIT MESYUARAT *DEFECTS LIABILITY PERIOD* (DLP) NO. 1 PROJEK PEMBINAAN BALAI BOMBA DAN KUARTERS PUTATAN, SABAH		KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN MESYUARAT DLP NO. 1
TARIKH	**17 SEPTEMBER 2024 (Selasa)**	
MASA	**09.00 PAGI**	
TEMPAT	**BILIK MESYUARAT PEJABAT TAPAK BALAI BOMBA DAN KUARTERS PUTATAN, SABAH**	

MAKLUMAT KONTRAK KERJA		
KONTRAKTOR	MTR ENGINEERING SDN BHD	SENARAI EOT
TEMPOH KONTRAK ASAL	78 MINGGU	EOT NO. 1 : 74 HARI
KOS PROJEK ASAL	RM 8,699,999.85	EOT NO. 2 : 180 HARI
KOS PROJEK SEMASA	RM 8,990,395.08	EOT NO. 3 :58 HARI
NO. KONTRAK	KPKT/BPEMB/JBPM/6/14/2020	EOT NO. 4 :221 HARI
TARIKH MULA KERJA	08.02.2021	EOT NO. 5 :78 HARI
TARIKH SIAP ASAL	08.08.2021	EOT NO. 6 :74 HARI
TARIKH SIAP SEMASA	25.06.2024	

SENARAI KEHADIRAN

BIL.	NAMA	JABATAN/BAHAGIAN
1	Puan Nor Asma binti Ali Akbar	PP/W6/KPKT (Pengerusi)
2	Puan Romizah binti Romi	PP/W6/KPKT
3	Puan Noor Sherriyana binti Bohari	JBPM
4	Encik Zainuddin Saidi	JBPM
5	Puan Umi Naizatul Nabila Dominic	AOA
6	Puan Nur Adriana binti Mohd Borhan	AOA
7	Encik Wilson Kah	PI
8	Encik Roland Munang	JPI
9	Puan Flora Martinus	JBK
10	Puan DK Noor Ardillah Pg Mohd Noor	MTR

BIL	PERKARA	TINDAKAN
1.0	**UCAPAN ALUAN PENGERUSI** Pengerusi mesyuarat mengucapkan kata-kata aluan dan selamat datang ke Mesyuarat DLP No. 1.	Makluman
2.0	**PENGESAHAN MINIT MESYUARAT** Minit mesyuarat Penutupan T&C telah dicadangkan oleh Puan Sherriyana binti Bohari dan disokong oleh Encik Roland Munang.	Makluman
3.0	**LAPORAN KEROSAKAN**	
3.1	**Arkitek**	
3.1.1	Pihak Bomba Putatan melaporkan beberapa penemuan kecacatan iaitu: - i. Kebocoran air di beberapa kawasan iaitu: - a) Siling Bilik Gymnasium b) Siling di tangga ruang masuk lobi utama c) Cermin Bilik Kawalan d) Siling di anjung luar Bilik Mesyuarat e) Tangga naik ke simpanan tangki air f) Siling kawasan luar Bilik Gymnasium/ Engine Bay g) Siling koridor Bilik Mesyuarat h) Siling Kuarters perumahan A-1-3 i) Siling Kuarters perumahan A-1-1 j) Tangga Kuarters perumahan ii. Kepingan siling gantung beralih dari kedudukan asal. iii. Pemasangan skru pada *wall climbing* tidak mencukupi. iv. Pemasangan papan tanda BBP Putatan tidak sekata dan beralun. v. Jubin di Kuarters perumahan A-1-3 mula menggelembung. vi. Pintu terowong asap di *Hose Tower* telah mulai reput. vii. Pergerakan pintu *sliding* di lobi balai tidak lancar. viii. Warna cat rak pameran tidak sekata dan terdapat kesan retak. ix. Tanaman landskap tidak diselenggara.	MTR MTR
3.1.2	Kontraktor diberi tempoh 2 minggu untuk menyiapkan pembaikan *defects* semasa T&C beserta dengan laporan bergambar yang telah disahkan oleh perunding kepada Pejabat Wilayah 6 pada 11/10/2024.	MTR
3.2	**Struktur dan Awam**	
3.2.1	Kontraktor dikehendaki untuk kemukakan laporan penuh pembaikan yang telah disahkan oleh perunding kepada UKAS dan pejabat wilayah 6 pada 17/10/2024.	MTR
3.3	**Mekanikal**	
3.3.1	Pihak kontraktor diminta untuk memeriksa semula *roller shutter* kerana terdapat *abnormal noise* dan terdapat *roller shutter* yang tidak berfungsi dengan baik.	MTR
3.3.2	Pihak kontraktor diarahkan menyegerakan pembaikan *roller shutter* agar tidak menjejaskan pengoperasian jentera keluar masuk.	MTR

BIL	PERKARA	TINDAKAN
3.3.3	Pihak Bomba turut memaklumkan masalah air di sinki dapur setiap unit kuarters dan *water tap* bilik air kuarters.	MTR
3.3.3.1	Pengerusi mengarahkan perunding M&E dan kontraktor melaksanakan pemeriksaan dan lapor.	MTR & JPI
3.4	**Elektrikal**	
3.4.1	Berlaku trip pada *plug point* dekat rak *server* dalam Bilik Kawalan – Pihak JPI memaklumkan bahawa *plug point* tersebut adalah khas untuk kegunaan *server* sahaja.	MTR
3.4.1.1	Kontraktor diarahkan melaksanakan pemeriksaan dan pembaikan segera.	MTR
3.4.2	Pihak Bomba memaklumkan telefon di Bilik Kawalan sudah mulai lusuh. Kontraktor akan menggantikan plat telefon yang baharu.	MTR
4.0	**PERKARA BERBANGKIT**	
4.1	**Inventory**	
4.1.1	Perunding Arkitek dan M&E telah mengemukakan senarai inventori. Perunding C&S dikehendaki untuk kemukakan senarai inventori C&S pada 20/09/2024 ke pejabat wilayah 6 untuk semakan.	PI
4.2	**Lukisan Terbina (*As-Built*)**	
4.2.1	Kontraktor diminta untuk kemukakan lukisan terbina kepada arkitek sebelum dikemukakan kepada USB pada 19/09/2024 dan salinan kepada W6.	MTR / AOA
4.2.2	Lukisan terbina bagi C&S dan M&E hendaklah dikemukakan kepada UKAS, UKE dan UKM pada 27/09/2024.	MTR/ PI/ JPI
4.3	**Operations & Maintenance**	
4.3.1	O&M (*test forms*, lukisan terbina & katalog) akan disediakan sebaik sahaja lukisan terbina diluluskan.	MTR
4.3.2	Perunding C&S diarahkan untuk menyediakan O&M bagi SSTS dan mana2 yang berkaitan.	MTR
4.4	**Laporan Bulanan & Program Kerja (CPM)**	
4.4.1	Perunding M&E perlu kemukakan Laporan Kualiti Perunding dari Januari sehingga Jun 2024. Manakala perunding Arkitek, C&S, M&E, QS hendaklah kemukakan Laporan Kualiti Perunding dari Julai 2023 sehingga Jun 2024 pada 11/10/2024.	AOA/ PI/ JPI/ JBK
4.4.2	Kontraktor dikehendaki untuk kemukakan Laporan Bulanan dari Julai 2023 sehingga Jun 2024 pada 17/10/2024.	MTR
4.4.3	Pihak kontraktor belum mengemukakan Program Kerja (CPM) bagi EOT No.2 sehingga EOT No. 6 dan Pejabat W6 memberikan tempoh sehingga 17.10.2024 untuk mengemukakan kesemua CPM yang telah disemak dan disahkan oleh setiap perunding.	JPI/ JBK

BIL	PERKARA	TINDAKAN
4.5 4.5.1	**Penultimate** Perunding QS dan M&E dikehendaki untuk kemukakan penultimate pada 11/10/2024	JBK/ JPI
5.0	**HAL-HAL LAIN**	
5.1	Pihak Bomba memaklumkan bil utiliti (elektrik dan air) belum dibayar oleh kontraktor. Tunggakan bayaran hendaklah diselesaikan selewat-lewatnya pada 20/09/2024.	MTR
5.2	Kontraktor diminta menyemak dan perlu membuat pembaharuan insurans jika telah tamat tempoh.	MTR
6.0	**PENANGGUHAN MESYUARAT**	
6.1	Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 11.25 pagi. Mesyuarat berikutnya akan dimaklumkan kemudian.	Makluman

MINIT MESYUARAT DICATAT DAN DIREKOD OLEH : **TARIKH :** 1.10.24

Adriana

.....

NUR ADRIANA BINTI MOHD BORHAN
Alasim Omar Architect

MINIT MESYUARAT DISEMAK OLEH : **TARIKH :** 2.10.24

.....

ROMIZAH BINTI ROMI
Penolong Jurutera
Pejabat Wilayah 6
Sektor Fasiliti Dan Pelaksanaan Projek
Bahagian Pelaksanaan Dan Perkhidmatan Kejuruteraan
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan

MINIT MESYUARAT DISAHKAN OLEH : **TARIKH :** 02/10/2024

.....

NOR ASMA BINTI ALI AKBAR
Penolong Pengarah
Pejabat Wilayah 6
Sektor Fasiliti Dan Pelaksanaan Projek
Bahagian Pelaksanaan Dan Perkhidmatan Kejuruteraan
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan.